

Harian Metro - 11/4/16

Setiap insan ada tanggungjawab

■ Dahulukan ahli keluarga dengan menghulurkan bantuan apabila diperlukan

Dalam kehidupan berkeluarga, setiap orang ada tanggungjawab dan masing-masing tidak boleh lari daripadanya. Ibu bapa bertanggungjawab kepada anaknya manakala suami ada tanggungan terhadap isterinya.

Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: "Setiap kalian adalah pemimpin. Setiap kalian juga akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepimpinannya. "Seorang imam adalah orang yang bertanggungjawab dan akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepimpinannya.

"Seorang lelaki bertanggungjawab terhadap keluarganya dan akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepimpinannya. Seorang wanita bertanggungjawab terhadap urusan di rumah suaminya dan akan dipertanggungjawabkan berkenaan kepimpinannya."

Firman Allah bermaksud: "Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya.

"Dan dijadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan



IKHLAS melaksanakan tugas terutama dalam mencari rezeki untuk mencari keberkatan.

belas kasihan.

"Sungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir." (Surah ar-Rum, ayat 21)

Kebajikan ahli keluarga antara perkara yang perlu diambil perhatian serius. Namun, ada dalam kalangan kita sanggup membiarkan ahli keluarga hidup dalam kesusahan. Ada pula yang lebih mengutamakan orang lain daripada keluarga sendiri.

Bantulah ahli keluarga terlebih dulu kerana mereka

termasuk dalam tanggungjawab kita. Kebajikan mereka adalah antara keutamaan yang perlu diberikan perhatian.

Rasulullah SAW menjelaskan betapa perlunya membantu golongan memerlukan dan dimulai dengan mereka yang menjadi tanggungan sendiri iaitu ahli keluarga.

Sabda Baginda SAW, mafhumnya: "Tangan di

atas lebih baik daripada tangan di bawah dan mulai dengan mereka yang menjadi tanggunganmu.

Sebaik-baik sedekah ialah ketika berada dalam keadaan mencukupi (segala keperluan). "Sesiapa memohon dipelihara (untuk tidak meminta-minta), maka Allah akan memeliharanya. Sesiapa yang bermohon dicukupkan (segala keperluan), maka Allah akan mencukupkan

FAKTA
Tunaikanlah ibadat seperti solat fardu secara berjemaah dalam satu keluarga

kehidupannya." (Riwayat al-Bukhari)

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW menjelaskan kelebihan bersedekah kepada kaum keluarga yang memerlukan bantuan: "Sedekah kepada orang miskin terhitung pahala satu sedekah. Sedekah kepada kaum kerabat mendapat dua pahala (iaitu) pahala sedekah dan pahala menyambung silaturahim." (Riwayat Ahmad)

Dalam konteks lebih luas, setiap Muslim perlu memastikan setiap ahli keluarga terselamat daripada seksaan api neraka. Hal ini meliputi pelbagai aspek dalam kehidupan seorang Muslim termasuk akidah, ibadat dan akhlak.

Kita perlu memastikan akidah ahli keluarga sentiasa berada pada paksi yang betul. Jauhi perbuatan khurafat dalam kalangan ahli keluarga kerana ia membawa kerosakan yang amat bahaya.

Sekiranya akidah ahli keluarga tidak dipelihara, akan timbul pelbagai kerosakan dalam institusi kekeluargaan.

Begitu juga dalam aspek ibadat yang menjadi asas penting dalam kehidupan keluarga Islam. Setiap ahli keluarga perlu sentiasa menasihati antara satu sama lain agar ibadat menjadi keutamaan keluarga.

AL-HAQ
Sehari-saharian dengan Allah yang menurunkan Kitab Suci dengan membawa kebenaran dan menurunkan keterangan yang menjadi neraca keadilan. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui? Boleh jadi hari kiamat itu sudah hampir (masa datangnya.) (Suroh esy-Syura, ayat 17)

Yakni hari kiamat tetap akan datang dan boleh jadi sudah dekat masa datangnya. Oleh itu, ingatah dan jangalah lalai daripada mengerjakan apa yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang sebagaimana terkandung dalam al-Quran dan bertindaklah dalam segala perkara menurut neraca keadilan

- Tajas Pimpinan ar-Rahman

Tunaikanlah ibadat seperti solat fardu secara berjemaah dalam satu keluarga kerana ia boleh mendatangkan seribu satu rahmat daripada Allah.

Akhlak juga perlu diberikan perhatian serius. Sifat terpuji seperti saling menghormati, membantu, semangat kebersamaan dan kasih sayang sesama ahli keluarga perlu diterapkan.

Kita perlu mencontohi akhlak Rasulullah SAW. Baginda adalah contoh terbaik dalam hal ini meliputi peranan sebagai seorang suami, ayah dan ketua keluarga secara amnya.

Sabda Rasulullah SAW, mafhumnya: "Sebaik-baik kalian adalah (suami) yang paling baik terhadap keluarganya dan aku adalah yang paling baik terhadap keluargaku." (Riwayat at-Tirmidzi)

Penulis ialah pensyarah UniSZA